



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 17 SEPTEMBER 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	MOBILE FOOD KIOSK TERIMA GERAN RM5.08J, NASIONAL, BH -9 AGROPRENEUR MUDA TERIMA GERAN, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -33 AGRO MINISTRY HOLDS CSR INITIATIVE TO REACH TARGET GROUP IN SABAH, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -9 AGRO MINISTRY HOLDS CSR INITIATIVE TO REACH TARGET GROUP IN SABAH, HOME, BORNEO POST (KK) -4 254 HAVE BENEFITED FROM YOUNG AGROPRENEUR GRANT SINCE 2016, HOME, BORNEO POST (KK) -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
6.	FAMA BUKA PASAR TANI KEKAL FELDA CHINI, SENTRAL, BH -70	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	GABUNG SAWAH PERLU PERSETUJUAN PETANI, NEGERI, HAKAKAH -N11	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
8. 9.	TEKONG, AWAK-AWAK BOT PUKAT RAWA SORONG DITAHAN, DALAM NEGERI, UM -41 8,650 NELAYAN TIDAK DAPAT KE LAUT, SINAR TENGAH, SH -30	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11. 12.	NELAYAN TERJEJAS AKIBAT JEREBU, SINAR TENGAH, SH -30 NELAYAN TERENGGANU MASIH KE LAUT, SINAR TIMUR, SH -32 LADANG PADANG ORGANIK JADI PUSAT PENGAJIAN PERTANIAN, NASIONAL, BH -9	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Agropreneur muda terima geran		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	17 Sep 2019	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	33	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	299 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,779
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,338



# Agropreneur muda terima geran

**SEMPORNA:** Seramai 254 orang agropreneur muda di negara ini telah menerima kelulusan Geran Agropreneur Muda (GAM) bagi projek Mobile Food Kiosk (MFK) sejak 1 Januari 2016 hingga 30 April lepas berjumlah RM5.08 juta.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berka-

ta daripada jumlah itu, 29 usahawan adalah dari Sabah dengan nilai geran berjumlah RM580,000.

"Usahawan muda tahun ini telah meningkat kepada 1,200 orang berbanding tahun lalu iaitu seramai 1,000 orang," katanya pada majlis penyerahan tapak MFK kepada 10 peserta baharu di Semporna, semalam.

Sementara itu, 10 peserta yang terpilih sebagai agropreneur muda di Semporna bakal menerima geran bagi projek MFK bernilai RM200,000.

Ketua MFK Semporna, Rusamin Rusli, 31, berkata permohonan MFK itu dibuat pada Julai tahun lepas sebelum dimaklumkan telah terpilih pada sebagai peserta pada Februari lepas.

Katanya selepas itu, beliau menubuhkan kumpulan itu sebagai syarat untuk menjalankan projek itu selain mendapat bimbingan daripada mentor dari Tawau.

"Ini adalah kumpulan pertama dari Semporna dan ahli dalam kumpulan ini kesemuanya menjalankan aktiviti perniagaan sebelum ini," katanya.

Seorang peserta Siti Kadiah Abdillah, 36, yang mengusahakan bakeri sejak lapan tahun lepas bersyukur kerana terpilih untuk menerima geran agropreneur muda.

Katanya, sebagai permulaan kumpulan itu akan menjalankan perniagaan di Pekan Semporna dan akan memulakan perniagaan itu dalam masa terdekat.

— BERNAMA



**KETUA** Setiausaha MOA Datuk Mohd Sallehuddin Hassan (duduk, empat, kiri) mengadakan tinjauan mesra ke projek rumpai laut di Pulau Ligat-Ligitan, Semporna sempena program '16 walkabout' ke Sabah yang bermula pada 13 hingga 16 September.

• Foto BERNAMA

Headline	Agro ministry holds CSR initiative to reach target group in Sabah		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	17 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	9	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	47 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 641
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,923



## Agro ministry holds CSR initiative to reach target group in Sabah

**SEMPORNA:** The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry held a three-day 'Sixteen Walkabout' programme, aimed to find out the real situation in order to reach out to the target groups especially in Sabah and Sarawak.

The walkout, which began last Friday and ended yesterday was part of the ministry's Corporate Social Responsibility (CSR) programmes.

According to the ministry's secretary-general Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, the 16 walkabouts held across Kota Kinabalu, Papar, Sipitang, Tenom, Keningau, Nabawan, Kalabakan, Tawau and Semporna, covering a distance of 834 kilometres.

— Bernama

Headline	Agro Ministry holds CSR initiative to reach target group in Sabah		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	17 Sep 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	82 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 229
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 686



## Agro Ministry holds CSR initiative to reach target group in Sabah

**SEMPORNA:** The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry held a three-day 'Sixteen Walkabout' programme, aimed to find out the real situation in order to reach out to the target groups especially in Sabah and Sarawak.

The walkout, which began last Friday and ended yesterday was part of the ministry's Corporate Social Responsibility (CSR) programmes.

According to the ministry's secretary-general Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, the 16 walkabouts held across Kota Kinabalu, Papar, Siptang, Tenom, Keningau, Nabawan, Kalabakan, Tawau and Semporna, covering a

distance of 834 kilometres.

The event ended with handing over a Fertigation kit to Sekolah Kebangsaan Mabul and Marine Police here yesterday.

"There are many things that need to be improved, and that is why the programmes were held to see how difficult it was to provide logistic assistance to the target group," he said when met at the CSR programme and Malaysia Day celebration yesterday.

Mohd Sallehuddin said the information and data collected during the walkabout will be used as a guide when preparing the ministry's 12th Malaysia Plan (12MP). - Bernama

Headline	254 have benefited from Young Agropreneur Grant since 2016		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	17 Sep 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	93 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 259
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 778



## 254 have benefited from Young Agropreneur Grant since 2016

**SEMPORNA:** A total of 254 young agropreneurs in the country obtained their Young Agropreneur Grant (GAM) for Mobile Food Kiosks (MFK) worth RM5.08 million between January 1, 2016, and April 30 this year.

From the total number of young agropreneurs, 29 were from Sabah with a grant value of RM580,000, said Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA) secretary-general Datuk Mohd Sallehuddin Hassan.

"The number of young entrepreneurs has increased to 1,200 entrepreneurs this year compared to 1,000 entrepreneurs last year," he said after handing over MFK site to 10 new participants in Semporna, on Sunday.

The 10 young agropreneurs in Semporna received a total of RM200,000 in grants for the Mobile Food Kiosk project.

The leader of Semporna MFK group, Rusamin Rusli, 31, said the application for the MFK was made in July last year and he was informed that he had been selected as a participant in February.

He noted that he had formed the group as a condition to carry out the project as well as receiving guidance through a mentor from Tawau.

"This is the first group from Semporna and our group members have been involved in business activities before," he said.

As for one of the group members, Siti Kariah Abdillah, 36, who runs a bakery for the past eight years, she was grateful to be selected to receive the young agropreneur grant.

She noted that the group would start their business in Semporna town in the near future. - Bernama

# FAMA buka pasar tani kekal FELDA Chini

Kemudahan berniaga RM2.5j beri peluang kepada 55 peniaga tempatan, luar

Oleh Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Pekan:** Pembinaan pasar tani kekal FELDA Chini berharga RM2.5 juta memberi peluang kepada 55 usahawan tempatan dan luar berniaga pelbagai produk bagi kemudahan serta kesesuaian pen-

duchuk setempat.

Pasar tani kekal ke lima di negeri ini selepas pasar tani kekal Jerantut dan Pekan beroperasi empat hari seminggu pada Isnin, Rabu, Sabtu dan Ahad bermula tujuh pagi hingga tiga petang.

Peniaga sayur Azrun Mat Ali, 37, berkata tapak berniaga yang luas serta bertumbuh memberi lebih kesesuaian kepada peniaga menjalankan urusan niaga tanpa perlu bersusah payah berbanding sebelum ini.

Katanya, cuaca panas dan hujan tidak lagi menjadi penghalang kepada peniaga berniaga, pelanggan juga boleh datang tanpa masalah.

"Kemudahan lain seperti palpa, tandas dan surau menambahkan



**Peniaga menjual pelbagai barangan keperluan harian sermpena Pembukaan Pasar Tani Kekal FELDA Chini, Pekan.**  
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

lagi kesesuaian kepada peniaga serta pelanggan untuk mendapatkan keperluan harian.

"Saya memuji usaha Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang yang menyediakan pasar tani kekal FELDA Chini untuk kemudahan peniaga serta pengguna setempat," katanya Sempena Pembukaan Pasar Tani Kekal FELDA Chini yang disempurnakan Pengarah FAMA Pahang Rosli Aw Da di kompleks pemasaran Chini, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pegawai FAMA Pekan Mohd Nazib Idris.

**Kawasan berniaga yang luas dan selesa merencanakan lagi aktiviti jualan yang diadakan empat hari seminggu.**

**Rosli Aw Da,**  
Pengarah FAMA Pahang

Sementara itu, Rosli berkata, pasar tani kekal FELDA Chini disediakan untuk kesesuaian peniaga serta pengguna yang ingin mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian seperti sayuran, ikan, daging, buah-buahan dan produk makanan.

"Kawasan berniaga yang luas dan selesa merencanakan lagi aktiviti jualan yang diadakan empat hari seminggu.

"Semua kemudahan disediakan dan 55 usahawan perlu bekerjasama menjaganya, sedikit bayaran dikenakan bertujuan untuk aktiviti kebersihan," katanya.

# Gabung sawah perlu persetujuan petani

**TANAH MERAH:** Kerajaan perlu membuat kajian terlebih terhadap cadangan kerajaan Persekutuan mahu menggabungkan tanah-tanah pesawah sebagai usaha meningkatkan hasil.

Timbalan Menteri Besar Dato' Mohd Amar Abdullah berkata, cadangan itu memang menarik cuma perlu inisiatif itu datang daripada pihak yang bertanggungjawab termasuk Jabatan Pertanian.

"Malah sekiranya cadangan itu dibuat kajian secara teliti dan terperinci, kerajaan negeri sedia memberi kerjasama.

"Kajian penting bagi melihat kelebihan dan kelemahan memandangkan tanah sawah berkenaan milik individu," katanya selepas mesyuarat Exco di Majlis Daerah Tanah Merah Rabu lepas.

Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mencadangkan pesawah kecil menggabungkan tanah milik mereka bagi dijadikan ladang padi yang diurus secara profesional.

Katanya ia bertujuan untuk menjana lebih banyak hasil dan pendapatan petani.

Mohd Amar juga berkata, agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri seper-

ti Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) perlu membuat kajian terlebih dahulu.

Menurutnya pandangan Dr Mahathir dianggap bernas, namun ia perlu dilakukan dengan teliti memandangkan kerjasama pesawah diperlukan.

"Kita tengok sawah sekarang dilaksanakan secara individu, hasilnya mungkin tidak besar. Kalau digabungkan mungkin boleh jadi ladang. Itu idea menarik dan boleh dibincangkan," katanya.



**Bendang padi di Bandar Baru Tunjung.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	41

# Tekong, awak-awak bot pukat rawa sorong ditahan

Oleh **ASLIZA MUSA**  
 pengarang@utusan.com.my

■ **PARIT BUNTAR 16 SEPT.**

**A**GENSI Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan sebuah bot pukat rawa sorong bersama dua lelaki tempatan kerana didapati melakukan aktiviti menangkap ikan tanpa lesen sah di perairan negara semalam.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd. Sharenliza Ghaz-

ali berkata, dua lelaki yang merupakan tekong dan awak-awak berusia 25 dan 60 tahun itu ditahan pada kedudukan kira-kira 2.5 batu nautika di barat laut Pulau Terong, dekat perairan Kerian dan Larut Matang.

Katanya, kedua-dua mereka ditahan oleh bot peronda Maritim Malaysia Kuala Kurau yang sedang melakukan rutin rondaan pada pukul 10 malam.

“Dalam rondaan tersebut, kita mengesan sebuah bot mencurigakan yang mana bot

pukat rawa sorong itu boleh didakwa di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan tanpa lesen yang sah.

“Aktiviti rawa sorong adalah menangkap ikan menggunakan sampan dan dua pukat buluh yang mana menggunakan kaedah mengorek dengan buluh sehingga kedalaman setengah meter untuk mendapatkan hasil seperti ikan dan udang,” katanya dalam kenyataan, di sini hari ini.

Mohd. Sharenliza memberitahu, pukat rawa sorong

diharamkan penggunaannya kerana memrangkap dan membunuh anak ikan dan benih udang.

Tambah beliau, tindakan menggunakan kaedah itu juga akan merosakkan dasar laut dan boleh mengancam sumber perikanan negara pada masa akan datang.

Beliau meminta orang ramai memaklumkan mengenai jenayah dan kecemasan di laut melalui talian 24 jam MERS 999 atau Pusat Operasi Zon Maritim Kuala Kurau di talian 05-727-9919.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2019	SINAR HARIAN	SINAR TENGAH	30

# Nelayan terjejas akibat jerebu

Hanya tangkap ikan 100 meter dari pantai

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Nelayan di negeri ini mengakui pendapatan mereka terjejas teruk kerana tidak dapat turun ke laut berikutan keadaan jerebu yang berlarutan.

Nelayan pantai, Jamaluddin Abdul, 49, berkata, dia antara yang terkesan dengan situasi jerebu disebabkan jarak pandangan yang tidak jelas.

"Buat masa ini, saya hanya berani menangkap ikan dan ketam kira-kira 100 meter dari pantai.

"Saya takut hendak ke laut bimbang tersesat memandang kabut tebal dan daratan juga tidak kelihatan. Jadi saya ambil langkah yang selamat," katanya ketika ditemui di Jeti Nelayan Tanjung Api di sini semalam.

Jamaluddin berkata, pengalaman tersesat di tengah laut dan tidak dapat pulang ke pantai dua tahun lalu kerana jerebu tebal menjadi pengajaran kepadanya.

"Saya cuma berharap keadaan jerebu dapat berkurangan secara berperingkat terutama dengan adanya angin kencang," katanya.

Bagi Abdul Rahim Ismail, 48, dia mengakui tidak dapat turun ke laut disebabkan keadaan jerebu yang berlarutan beberapa hari.

Jamaluddin (kanan) membekal pukot selepas tidak dapat turun ke laut menangkap ikan disebabkan keadaan jerebu.



TENGGU AZHAR



RAMELAN

"Saya menggunakan bot nelayan kecil untuk ke laut dan bot saya tiada Sistem Pengesanan Global (GPS). Jadi hendak pergi jauh ke tengah laut saya tidak mampu," katanya.

Sementara itu, tekong, Ramelan Omar, 43, berkata, pendapatannya turut terjejas sejak situasi jerebu melanda di negeri ini.

"Kalau hari-hari biasa, pendapatan adakalanya lumayan tetapi sejak keadaan jerebu tangkapan tidak berapa memberangsangkan.

"Tapi kita tetap juga menangkap ikan berpandukan GPS, namun kita tetap bimbang takut melanggar kapal-kapal kecil di lautan.

"Bila berada di laut dengan keadaan jerebu pada jarak satu kilometer pun, kita masih tidak nampak ada bot atau kapal," katanya.

Seorang lagi tekong, Tengku Azhar Tengku Husin, 41, berkata, walaupun aktiviti penangkapan ikan dilakukan namun langkah berjaga-jaga tetap diambil.

"Pada waktu jerebu ini, saya bergantung penuh kepada GPS sebab daratan dan matahari tidak kelihatan. Tangkapan pula tidak menentu dalam keadaan sekarang ini," katanya.

8,650 nelayan tidak dapat ke laut

KUANTAN - Jerebu yang melanda beberapa daerah di negeri ini mengakibatkan lebih 8,650 nelayan terjejas berikutan tidak dapat turun ke laut.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Datuk Azahari Othman berkata, jarak pandangan yang terhad di lautan ketika ini boleh menyebabkan berlakunya kemalangan memabitkan bot-bot nelayan.

Menurutnya, bot-bot nelayan kecil yang tidak dilengkapi Sistem Pengesanan Global (GPS) akan menyebabkan risiko tersesat di tengah lautan kerana tidak dapat melihat daratan dan matahari sebagai panduan untuk mereka pulang.

"Saya nasihatkan nelayan tidak turun ke laut bagi mengelak kejadian tidak diingini. Tapi, jika keadaan memerlukan mereka untuk keluar menangkap ikan, saya cadangkan mereka menjalankan aktiviti penangkapan berhampiran kawasan pantai sahaja," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, saranan



AZAHARI

itu diberikan nelayan memandangkan keadaan jerebu yang teruk berlaku dan kebanyakan nelayan tidak dapat menjalankan aktiviti tersebut.

Dalam pada itu, Azahari berkata, keadaan jerebu yang teruk berlaku di Rompin kini beralih ke Pekan dan Kuantan kerana tiupan angin.

"Nelayan yang turun ke laut dinasihatkan supaya memakai penutup hidung dan mulut bagi mengelak berlakunya masalah kesihatan terutama bagi mereka yang menghidap asma," katanya.



Keadaan di jeti daratan ikan di Tanjung Api, Pahang.

# Nelayan Terengganu masih ke laut

**Miliki peralatan keselamatan, patuh arahan pihak berkuasa**

**KUALA TERENGGANU**

**C**uaca jerebu tidak menghalang nelayan di negeri ini ke laut kerana memiliki peralatan keselamatan yang mencukupi, kata Pengerusi Peratuan Nelayan Kawasan (PNK) Kemasik, Abdul Ghani Ismail.

Beliau berkata, selain perlu ke laut kerana ia memberi punca pendapatan, mereka juga mempunyai peralatan yang mencukupi serta sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa.

"Walaupun hasil tangkapan berkurangan se-

hingga 50 peratus, semangat nelayan tetap tidak terjejas dengan cuaca berjerebu, cuma kita sentiasa saling mengingatkan agar nelayan tetap mengutamakan keselamatan ketika berada di laut.

"Macam saya sendiri tetap turun ke laut selepas subuh pagi walaupun hari ini cuaca jerebu di Kemaman agak teruk. Yang penting sentiasa peka dengan perubahan di sekeliling dan pastikan alat keselamatan serta komunikasi berada dalam keadaan baik sebelum turun ke laut," katanya.

Mengikut data sistem Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS), hanya dua stesen bacaan di Terengganu merekodkan kualiti udara tidak sihat iaitu di Kemaman (135) dan Paka (110) pada jam 12 tengahari semalam.



Jerebu yang melanda Terengganu tidak menghalang nelayan untuk turun ke laut.

Abdul Ghani yang turun ke laut bersama empat nelayan lain menggunakan bot fiber berukuran 30 kaki itu hanya menangkap ikan di sekitar lima batu nautika dari pantai.

"Bagaimanapun, masih ada nelayan yang mencandat sotong menggunakan

bot fiber lebih kecil yang berukuran 16 kaki atau 18 kaki berani turun ke laut dalam keadaan berjerebu. Semuanya atas keberanian masing-masing," katanya. Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani Dan Pembangunan Desa negeri,

Dr Azman Ibrahim berkata, secara tradisinya, nelayan akan membuat keputusan untuk turun ke laut mengikut 'kemampuan dan kepayaan' sendiri sekiranya keadaan agak berisiko kepada mereka.

"Cuma saya berharap mereka pastikan Sistem

Penentududukan Global (GPS) dan sistem sonar berfungsi dengan baik sebelum turun ke laut dan sentiasa berkomunikasi dengan rakan nelayan lain atau ahli keluarga bagi memastikan kedudukan dan keadaan mereka," katanya.

-Bernama

# Mobile Food Kiosk terima geran RM5.08j

254 usahawan muda seluruh negara manfaat peruntukan ceburi sektor pertanian, industri asas tani

Oleh Abdul Rahemang Taiming  
news@nstp.com.my

**Semporna:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani meluluskan dan menyalurkan bantuan pembiayaan Geran Agropreneur Muda (GAM) bagi projek Mobile Food Kiosk (MFK) berjumlah RM5.08 juta kepada 254 usahawan muda di seluruh negara sepanjang tahun lalu.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, berkata geran itu adalah sebahagian peruntukan 2019 berjumlah RM20 juta dalam usaha menarik minat golongan muda menceburi diri dalam sektor pertanian dan industri asas tani.

Beliau berkata, geran yang berbentuk barangan, termasuk Mobile Food Kiosk itu mampu meningkatkan dan menambah pendapatan agropreneur muda selain memberi imej baharu sektor pertanian yang lebih moden.

"Di Sabah, seramai 29 orang agropreneur muda sudah menerima kelulusan bagi projek Mobile Food Kiosk ini, yang berjumlah RM580,000.00.

"Sasaran usahawan muda untuk 2019 juga meningkat kepada 1,200 usahawan berbanding 1,000 orang usahawan muda pada tahun lalu," katanya pada Majlis



Mohd Sallehuddin beramah mesra dengan pengusaha Mobile Food Kiosk (MFK) pada Majlis Pelancaran MFK di tapak letak kereta Kolej Komuniti Semporna. (Foto Abdul Rahemang Taiming/BH)

Pelancaran MFK di tapak letak kereta Kolej Komuniti Semporna, Ahad lalu.

Pada majlis itu juga, seramai 10 orang bakal menerima kelulusan Geran Agropreneur Muda bagi projek MFK berjumlah RM20,000 setiap seorang.

Sementara itu, Syuridarma Daing Mohamad Taih, 34, berkata, perniagaan makanan berkonsepkan MFK membuka peluang kepadanya menjana pendapatan tetap.

**Sasaran usahawan muda untuk 2019 juga meningkat kepada 1,200 berbanding 1,000 tahun lalu.**

Mohd Sallehuddin Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Katanya, sambutan terhadap perniagaan kebab, yang diusahakan bersama isteri, Sabriani Abdullah, 19 dan dibantu abang ipar, Sultán Risal, 27, mendapat sambutan menggalakkan.

"Alhamdulillah, selepas lebih setahun menceburi diri dalam MFK ini, perniagaan semakin berkembang dan kami merancang memperkenalkan menu baharu dalam masa terdekat," katanya.

## Ladang padi organik jadi pusat pengajian pertanian

**Sik:** Usaha seorang pesawah yang mengerjakan tanaman padi organik di Belantik, di sini sejak 10 tahun lalu mendapat pengiktirafan pelbagai pihak sehingga ladangnya bakal dijadikan sebagai institusi pengajian pertanian organik.

Zakaria Kamentasha, 53, berkata pelan itu berteraskan kerjasama terbaru membabitkan kerajaan negeri, Perbadanan Menteri Besar Kedah (MBK), Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir (IPDM) Universiti Utara Malaysia (UUM).

Katanya, pusat pengajian berkenaan yang akan dinamakan sebagai Institut Pengurusan Pertanian Organik Betsepadu (INSPEK) dijangka bakal dibangunkan dalam masa terdekat.

"Sebagai permulaan, pengambilan pelajar adalah seramai 20 orang terdiri daripada remaja lepasan sekolah dari Sik yang berminat dalam bidang pertanian.

"Mereka akan diajar teknik dan cara bertani secara organik bermula daripada proses menanam hingga menuai.

"Tenaga pengajar akan membimbing pelajar menghasilkan baja dan racun menggunakan bahan semula jadi seperti kangkung, telur, nanas, pisang dan susu," katanya ketika ditemui di Sri Lovely



Sebahagian sukarelawan luar negara yang menyertai program di Sri Lovely Organic Farm di Kampung Lintang, Belantik, Sik. (Foto Shamil Hafiz Zam/BH)

Organik Farm, Kampung Lintang, di sini.

Mengulas lanjut, beliau berkata kaedah penanaman padi organik berbeza kerana ia membabitkan beberapa prinsip unik seperti penyuburan tanah, pembenihan, penanaman, pembajaan dan pengaliran tanpa memburuh serangga dan organisma baik dalam tanah.

"Prinsip yang dipraktikkan membuahkan hasil, malah beras organik lebih berkualiti, menjimatkan sumber dan kos serta tanpa merajiskan alam sekitar.

"Selain itu, ladang ini turut mendapat perhatian pengkaji, pelajar dan pengunjung dari seluruh dunia, antaranya Belgi-

um, Perancis, United Kingdom, Itali, Arab Saudi, Jepun, Australia dan Singapura.

"Kebanyakannya sanggup menjadi sukarelawan dan bekerja sebagai petani untuk mempelajari teknik tanaman yang bakal dipraktikkan di negara mereka nanti," katanya.

Sukarelawan dari Jepun, Chi-



**Prinsip yang dipraktikkan membuahkan hasil, malah beras organik lebih berkualiti, menjimatkan sumber dan kos serta tanpa merajiskan alam sekitar.**

Zakaria Kamentasha, Pengusaha padi organik

kako Matsumi, 29, berkata dia sudah tinggal di ladang berkenaan sejak dua bulan lalu dan mempelajari teknik menanam padi organik.

"Kemahiran mencedung serta melindak sudah dikuasai dan saya harap dapat mempelajari cara menuai padi pula selepas ini," katanya.